

01 MAR 1997

#### MOKHZANI PEMEGANG SAHAM TERBESAR HOSPITAL PANTAI

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Mokhzani Mahathir, pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Tongkah Holdings Bhd, akan membeli 22.275 juta saham atau 35.53 peratus kepentingan di dalam Hospital Pantai Bhd (HPB) daripada Berjaya Group Bhd pada harga RM13.75 sesaham membabitkan RM306.3 juta, demikian diumumkan hari ini.

Di bawah tatacara pengambil alihan dan penggabungan syarikat di negara ini, Mokhzani yang kini memegang kira-kira 21 peratus kepentingan dalam HPB dan juga pengerusinya, diwajibkan membuat tawaran awam mandatori bagi baki saham-saham HPB berdasarkan syarat-syarat yang tidak jauh bezanya dengan urus niaga yang baru diselesaikan itu.

Melalui urus niaga terbaru ini, Mokhzani akan memegang kira-kira 56.53 peratus kepentingan dalam HPB, menjadikan beliau pemegang saham terbesar HPB. HPB, sebuah syarikat penjagaan kesihatan, disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 25 Julai, 1990.

Dalam kenyataannya, BGroup menyatakan harga jualan saham HPB pada RM13.75 sesaham mencatat premium 7.42 peratus berbanding harga wajaran RM12.80 sesaham dan premium sebanyak 2.61 peratus berbanding harga penutup saham berkenaan pada RM13.40 pada 27 Februari.

Berjaya Leisure Bhd, anak syarikat BGroup, akan menjual 19.983 juta saham biasa dalam HPB mewakili 31.87 peratus daripada modal terbitan dan membayar syarikat berkenaan kepada Mokhzani.

Di samping itu, Mokhzani juga akan membeli 2.292 juta lagi saham HPB atau kira-kira 3.65 peratus ekuiti syarikat itu daripada Berjaya General Insurance Sdn Bhd dan Prime Credit Leasing Sdn Bhd, kedua-duanya anak syarikat Berjaya Capital Bhd yang juga anak syarikat BGroup.

Menurut kenyataan itu lagi, BGroup akan membuat tawaran untuk menjual 5.0 peratus stok pinjaman tidak berjamin boleh ditukar tidak boleh ditebus nilai nominal (ICULS) RM11,678 juta kepada Krestrel Securities Sdn Bhd pada harga RM4.38 setiap ICULS membabitkan RM51.15 juta.

Secara menyeluruh, kumpulan syarikat Berjaya Group akan memperolehi RM357.4 juta tunai dan keuntungan luar biasa kasar pada peringkat syarikat sebanyak kira-kira RM162.1 juta.

Menurut BGroup lagi sejak menguasai HPB kira-kira 20 tahun lepas, modal pasaran syarikat itu telah meningkat empat kali ganda kepada kira-kira RM850 juta.

Sepanjang tempoh itu, HPB juta telah membeli 20 peratus kepentingan dalam Parkway Holdings Ltd, sebuah syarikat penjagaan kesihatan terkemuka di Singapura. Pembelian itu dibuat pada harga S\$4.10 sesaham dan saham-saham Parkway diniagakan sekitar S\$6. sesaham.

BGroup juga menyatakan ia mengambil daya usaha untuk membangunkan tanah seluas dua hektar bersebelahan Hospital di Bukit Pantai. -- BERNAMA

SHY DIN OS